



## KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

### BELANJAWAN 2025 : MEMBUGAR EKONOMI, MENJANA PERUBAHAN, MENSEJAHTERA RAKYAT

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang telah memberikan keutamaan kepada sektor kesihatan dalam Belanjawan 2025. Ini terbukti apabila KKM menerima **peruntukan kedua tertinggi sebanyak RM45.27 bilion** dengan **peningkatan** sebanyak **RM4.05 bilion** atau **9.83%** berbanding tahun 2024 sebanyak **RM41.22 bilion**.
2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM38.53 bilion** adalah untuk Perbelanjaan Mengurus dengan peningkatan sebanyak **RM3.38 bilion** atau **9.62%** berbanding **RM35.15 bilion** pada tahun 2024. Sebahagian besar peruntukan ini adalah untuk meningkatkan kapasiti penyampaian perkhidmatan kesihatan melalui penambahan emolumen kakitangan kesihatan, pengoperasian fasiliti-fasiliti kesihatan, perolehan bekalan ubat, reagen, vaksin dan bahan guna habis (*consumables*) perubatan dan pemerolehan aset.
3. Baki sebanyak **RM6.74 bilion** adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan dengan peningkatan sebanyak **RM0.67 bilion** atau **11.09%** berbanding **RM6.07 bilion** pada tahun 2024. Melalui peruntukan ini, KKM akan menumpukan pelaksanaan projek naik taraf dan baik pulih yang berorientasikan rakyat (*touch point*) serta dapat diselesaikan dalam tempoh yang singkat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat.

4. Jika dibandingkan dengan keseluruhan Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2025 yang berjumlah **RM421 bilion**, peruntukan yang disediakan kepada KKM ini adalah sebanyak **10.75%**. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan terus komited untuk '**Pembaharuan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Kerajaan**' bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh dengan menyediakan capaian sejagat kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti. Perbelanjaan kesihatan ini merupakan suatu pelaburan yang diperlukan bagi memastikan rakyat Malaysia kekal sihat dan seterusnya boleh menyumbang secara produktif kepada ekonomi negara.
5. Secara amnya, belanjawan kesihatan 2025 akan membolehkan KKM mengukuhkan perkhidmatan kesihatan demi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberi fokus perkhidmatan kesihatan daripada '**sick care**' kepada '**wellness**'. Pendekatan **penjagaan kesihatan primer yang bersifat keseluruhan masyarakat (whole of society)** akan diguna pakai untuk mewujudkan sistem penjagaan kesihatan yang lebih saksama, mampan, berdaya tahan dan berkualiti. Rakyat akan terus dididik untuk menerima **peralihan sendiri daripada rawatan penyakit kepada konsep pencegahan penyakit** demi menambah baik, melindungi dan mengekalkan tahap kesihatan.

### **Inisiatif Belanjawan**

6. Melalui Belanjawan 2025 ini, KKM telah diluluskan pelbagai inisiatif baharu yang memfokuskan kepada pencegahan awal penyakit khususnya penyakit tidak berjangkit, pengukuhan rawatan baharu pesakit dan naiktaraf infrastruktur fasiliti kesihatan. Antaranya:
  - (i) Keutamaan Kerajaan adalah untuk menyediakan kemudahan kesihatan berkualiti, selesa dan mesra rakyat. Sejumlah **RM1.35 bilion** disediakan bagi menyelenggara prasarana kesihatan termasuk membaiki tandas hospital yang uzur dan wad-wad pesakit yang usang.

- (ii) Kerajaan juga terus menaik taraf klinik-klinik daif seluruh negara. Di bawah MADANI, peruntukan bagi maksud ini ditingkatkan setiap tahun iaitu **RM100 juta** (2023), **RM150 juta** (2024) dan **RM300 juta** untuk tahun hadapan.
- (iii) Salah satu musuh utama penyakit tidak berjangkit ialah gula. Bagi menyokong gerakan **War on Sugar**, Kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar duti eksais bagi minuman bergula secara berfasa mulai **1 Januari 2025 sebanyak 40 sen seliter**. Tambahan hasil yang diraih akan dimanfaatkan untuk menampung perbelanjaan kesihatan awam antaranya meliputi:
  - a) Penambahan bekalan **ubat SGLT-2 inhibitor** bagi kegunaan rawatan diabetes.
  - b) Penyediaan **rawatan Dialisis Peritoneal (PD)** untuk pesakit buah pinggang tahap akhir kepada lebih banyak pesakit.
- (iv) Sebagai menyokong **Agenda Nasional Malaysia Sihat**, **RM27 juta** disediakan bagi merencanakan lagi aktiviti sukan dan riadah rakyat termasuk penganjuran Hari Sukan Negara.
- (v) Kerajaan **memperluas skop pelepasan cukai pendapatan individu ke atas perbelanjaan perubatan** meliputi bayaran ujian pengesanan penyakit, pembelian peralatan pemeriksaan kesihatan dan kit ujian pengesanan penyakit sebagai langkah ke arah amalan penjagaan kesihatan sendiri.
- (vi) Sistem dan struktur perkhidmatan kesihatan awam perlu diperkasa supaya lebih berdaya tahan, mampan dan mandiri. **Ikhtiar Rakan KKM** akan diperkenalkan melibatkan kerjasama GLIC bagi menyediakan pilihan perkhidmatan kesihatan berbayar pada kadar berpatutan kepada pesakit. Pelaksanaan ini akan bermula di lima hospital KKM yang

mempunyai permintaan tinggi serta infrastruktur sesuai seperti Hospital Cyberjaya dengan peruntukan awal **RM25 juta**.

- (vii) KKM akan meneruskan **jalinan kerjasama dengan 91 hospital swasta bagi menyumber luar pesakit KKM melibatkan perkhidmatan seperti kardiologi, radiologi dan nefrologi**. Pendekatan ini secara tidak langsung mewujudkan elemen persaingan mendapatkan harga terbaik buat Kerajaan. Penyumberluaran ini turut diteruskan dengan Institut Jantung Negara melibatkan pesakit jantung dari kalangan pesara Kerajaan.
- (viii) Kerajaan akan melaksanakan **dasar Offtake atau perolehan khusus daripada syarikat yang membuat pelaburan domestik baharu untuk mengeluarkan produk farmaseutikal dan peranti perubatan kritikal**. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong keterjaminan bekalan ubat dari sumber tempatan, malah berupaya mengurangkan kos dalam jangka masa sederhana. KKM akan memaklumkan pihak industri perincian dasar ini dalam tempoh ter
- (ix) Kerajaan mengiktiraf pakar-pakar perubatan di fasiliti kesihatan KKM termasuk Pusat-pusat Kecemerlangan seperti **Hospital Serdang untuk rawatan Jantung dan Hospital Selayang untuk Transplant & Hepatobiliari**. Justeru, Kerajaan menyediakan peruntukan **RM100 juta** termasuk untuk perolehan peralatan terkini. Di samping pusat kecemerlangan sedia ada, Kerajaan juga sedang melaksanakan kerja-kerja awalan bagi menubuhkan Pusat Kanser di Kuching dan Hospital Pakar Jantung di Kota Kinabalu.
- (x) Bagi mempertingkatkan akses kepada rawatan Penyakit Jarang Jumpa, Kerajaan akan menambah peruntukan kepada **RM25 juta**. Beberapa penambahbaikan meliputi:

- a) **Skim MySALAM** juga diperluas untuk turut meliputi penyakit jarang jumpa dan Rheumatoid Arthritis.
  - b) Sumbangan ke dalam **Tabung Penyakit Jarang Jumpa** juga layak mendapat potongan cukai bersamaan jumlah sumbangan sebenar.
- (xi) Bagi mengurangkan bebanan ke atas pegawai perubatan, Kementerian Kesihatan akan **melaksanakan sistem kerja baharu di hospital dan klinik kesihatan secara bersasar**. Bagi fasiliti kesihatan yang mengguna pakai sistem ini, Kerajaan bersetuju supaya **Elaun Tugas Atas Panggilan dinaikkan antara RM55 hingga RM65 kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian** mengikut bidang perkhidmatan dan Jabatan tertentu.
7. Bagi pesakit luar berumur 65 tahun ke atas yang masih mendapatkan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN), akan kekal berada di IJN. Ia turut terpakai kepada pesakit baharu yang dirujuk kepada IJN.

Kesemua inisiatif yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2025 ini akan dilaksanakan oleh KKM dengan segera bagi memastikan manfaatnya dapat dinikmati oleh rakyat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

**YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**  
**18 OKTOBER 2024**

**TAMAT**